**SOKDAVE SINGH AJIT SINGH** *a*

**v.**

**SUKVENDER KAUR DALJIT SINGH**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA *b*
AHMAD MAAROP PK
[SAMAN PEMULA NO: 24-425-2000]
27 MAC 2001

***UNDANG-UNDANG KELUARGA:*** *Kanak-kanak - Jagaan - Kanak-kanak di bawah umur tujuh tahun - Anggapan bahawa hak jagaan diberikan kepada ibu - Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, s. 88(3), Akta Penjagaan Budak 1961, s. 11 - Samada anggapan dipatahkan - Samada kebajikan anak patut dipertimbangkan* *c*

***UNDANG-UNDANG KELUARGA:*** *Kanak-kanak - Injunksi - Permohonan oleh bapa untuk menghalang ibu melarikan anak ke luar negeri - Samada s. 101 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 terpakai - Samada terbukti ibu akan melarikan anak ke luar negeri* *d*

Plaintif memohon kepada mahkamah ini, *inter alia*, untuk suatu injunksi menghalang defendan daripada melarikan anak mereka ('anak tersebut') ke New Zealand dan untuk hak jagaan anak tersebut. *e*

**Diputuskan:**

**[1]** Seksyen yang patut terpakai di dalam kes ini ialah s. 101(1) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Tetapi daripada keterangan afidavit-afidavit yang dikemukakan, tidak terdapat bukti adanya suatu prosiding matrimonial yang "pending" atau suatu perjanjian atau perintah mahkamah yang memberikan hak jagaan kepada seorang penjaga secara eksklusif sepertimana diperuntukkan oleh seksyen tersebut. Maka, s. 101(1) tidak terpakai. *f* *g*

**[2]** Mahkamah berpendapat bahawa dakwaan plaintif yang defendan akan melarikan anak tersebut ke luar negeri adalah satu "afterthought". Tidak terdapat bukti yang menunjukkan bahawa defendan mempunyai keluarga atau seseorang yang rapat dengannya di New Zealand. Tidak juga terdapat bukti yang menunjukkan bahawa defendan telah membuat apa-apa persiapan untuk melarikan anak tersebut ke New Zealand. Apa yang dinyatakan oleh plaintif dalam afidavit sokongannya hanyalah dakwaan dan kebimbangan yang tidak berasas. *h*

*i*

**[3]** Mahkamah patut memberikan pertimbangan utama kepada kebajikan anak tersebut sepertimana yang diperuntukkan di dalam s. 11 Akta Penjagaan Budak 1961. Prinsip yang sama juga di tetapkan di bawah s. 88 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

**[4]** Tidaklah dapat dinafikan bahawa wang ringgit dan kekayaan yang plaintif mendakwa beliau boleh memberikan kepada anak tersebut adalah penting dan memang diperlukan untuk kebahagian anak tersebut. Tetapi wang ringgit dan kekayaan bukanlah segala-galanya. Betapa pentingnya kasih sayang ibu kepada anaknya tidak dapat dinafikan dan tidak boleh dinilai dengan wang ringgit.

**[5]** Sejak lahir anak tersebut sentiasa tinggal dengan dan berada dalam jagaan defendan di rumah ibu defendan di Melaka kecuali bagi tempoh sebulan di mana ia tinggal dengan plaintif dan defendan di rumah plaintif di Kuala Lumpur. Defendan juga telah membelanjakan wang untuk rawatan dan kelahiran anak tersebut. Selain dari itu, defendan juga telah mengambil beberapa tindakan demi kepentingan dan kebajikan anak tersebut. Tambahan pula, anak tersebut berumur dua tahun. Di peringkat umur ini, anak tersebut memerlukan lebih kasih sayang dan perhatian ibunya. Semasa ketiadaan defendan, ibu defendan berkebolehan dan berkeupayaan untuk menjaga anak tersebut. Dengan itu, demi kebajikan dan kepentingan anak tersebut, *status quo* yang wujud sekarang patut dikekalkan dan hak jagaan tidak harus ditukarkan kepada plaintif.

*[Permohonan plaintif ditolak dengan kos.]*

**Kes-kes yang dirujuk:**

*G v. G (Minor) (Abduction) vol 21 (1991) Family Law 519* ***(dibezakan)***
*Helen Ho Quee New v. Lim Piu Heng [1974] 2 MLJ 52* ***(dirujuk)***
*In Re T (Infants) [1968] 1 Ch 704* ***(dibezakan)***
*In Re L (Minors) (Wardship: Jurisdiction) [1974] WLR 250* ***(dibezakan)***
*K Shanta Kumari v. Vijayan [1986] 2 MLJ 216* ***(diikuti)***
*Kok Yoong Heong v. Choong Thean Sang [1976] 1 MLJ 292*
*Lee Soh Choo v. Tan Ket Huat [1986] 2 CLJ 143* ***(dirujuk)***
*Mahabir Prasad v. Mahabir Prasad [1982] 1 MLJ 189* ***(diikuti)***
*Neduncheliyan Balasubramaniam v. Kohila Shanmugam [1997] 4 CLJ 676* ***(dibezakan)***
*Re Ko (An infant) [1990] 1 MLJ 494* ***(diikuti)***
*Re S and another (minors) abduction: wrongful detention [1994] 1 All ER 237* ***(dibezakan)***
*Wong Kwong Siong v. Ling Ping Ngaik [1972] 1 MLJ 116* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**
Convention on the Civil Aspects of International Child Abduction 1980, art. 3
Guardianship Of Infants Act 1961, ss. 11, 88(3)
Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976, s. 101(1), (2)

*Bagi pihak plaintif - Tetuan Devadason & Devadason*
*Bagi pihak defendan - Tetuan Jagjit Singh & Co*

*Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah*

## PENGHAKIMAN

**Ahmad Maarop PK:**

**Permohonan Dalam Kandongan 2**

Melalui saman pemula (kandongan 2) yang telah difailkan pada 17 Julai 2000, plaintif memohon kepada mahkamah ini untuk mendapatkan perentah-perentah berikut:

(i) Suatu injunksi menghalang defendan daripada melarikan/menculik (abduct) kanak-kanak yang bernama Haisheeny Kaur Sandhu berumur 20 bulan daripada bidang kuasa Semenanjung Malaysia;

(ii) Suatu injunksi menghalang defendan daripada memohon paspot untuk kanak-kanak, iaitu, Haisheeny Kaur Sandhu berumur 20 bulan;

(iii) Jagaan (custody) dan penjagaan (guardianship) bagi kanak-kanak yang bernama Haisheeny Kaur Sandhu berumur 20 bulan diberikan kepada plaintif dan akses tak terhad (unrestricted access) diberikan kepada defendan sekalipun defendan enggan pulang ke kediaman suami isteri;

(iv) Relief selanjutnya atau apa-apa relief lain yang mahkamah mulia ini fikirkan sesuai;

(v) Kos.

Permohonan plaintif disokong oleh afidavit-afidavit berikut:

(i) Afidavit sokongan plaintif (kandongan 3);

(ii) Afidavit Desmond Aloysius Jeremiah (kandongan 6);

(iii) Afidavit jawapan plaintif (kandongan 7);

(iv) Afidavit lanjutan plaintif (kandongan 17);

(v) Afidavit jawapan lanjutan plaintif (kandongan 22);

(vi) Afidavit Dr. Latha Giri (kandongan 26);

(vii) Afidavit lanjutan plaintif yang telah diikrarkan pada 3 November 2000.

Bagi pihak defendan pula afidavit-afidavit berikut telah difailkan untuk menyokong kesnya:

(i) Afidavit jawapan defendan (kandongan 4);

(ii) Afidavit jawapan defendan (kandongan 5);

(iii) Afidavit Sharon Anne Sta Maria (kandongan 9);

(iv) Afidavit Ray James Scully (kandongan 10);

(v) Afidavit jawapan kedua defendan (kandongan 11);

(vi) Afidavit jawapan ketiga defendan (kandongan 12);

(vii) Afidavit jawapan keempat defendan (kandongan 16);

(viii) Afidavit pembetulan defendan (kandongan 18);

(ix) Afidavit jawapan kelima defendan (kandongan 19);

(x) Afidavit jawapan keenam defendan (kandongan 20);

(xi) Afidavit jawapan yang diikrarkan oleh Gurdip Singh a/l Maghar Singh (kandongan 21);

(xii) Afidavit defendan yang telah diikrarkan pada 6 Oktober 2000 (kandongan 25);

(xiii) Afidavit jawapan ketujuh defendan (kandongan 27).

**Intipati Kes Ini**

Setelah membaca dan menghayati afidavit-afidavit yang tersebut di atas saya merumuskan bahawa intipati kes ini adalah seperti berikut:

Plaintif, seorang remiser telah berkahwin di Melaka dengan defendan seorang kerani di Hongkong Shanghai Bank (HSBC) Lebuh Pasar, Kuala Lumpur pada 19 Disember 1997, menurut perakuan untuk perkahwinan No. 337509 dan 432260 menurut Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan Dan Perceraian) 1976 (Akta 164). Perkahwinan tersebut adalah satu perkahwinan yang diaturkan oleh keluarga mereka. Sebelum perkahwinan tersebut dilansungkan, defendan tinggal di rumah ibunya di Melaka dan bekerja di cawangan HSBC di Melaka. Plaintif pula tinggal

di Kuala Lumpur. Oleh kerana defendan sukar mendapatkan pertukaran ke tempat kerja yang sesuai di Kuala Lumpur, pasangan ini telah berkahwin dahulu dan bercadang memohon perpindahan tempat kerja defendan dari Melaka ke Kuala Lumpur selepas berkahwin.

Anak mereka, Haisheeny Kaur Sandhu, telah dilahirkan pada 16 Oktober 1998 di Mahkota Medical Centre, Melaka. Pada 3 April 2000, defendan telah mula bekerja di HSBC, Cawangan Lebuh Pasar, Kuala Lumpur dan mula tinggal dengan plaintif di Kuala Lumpur. Pada ketika itu anak mereka tinggal dengan ibu defendan di Melaka. Sejak itu setiap hari minggu, defendan pulang ke Melaka untuk dapat bersama-sama dengan anaknya. Oleh kerana tidak tahan untuk tinggal berjauhan dengan anaknya, defendan memujuk plaintif untuk menggaji seorang pembantu rumah. Dengan adanya pembantu rumah itu nanti, anak mereka dapatlah dibawa tinggal bersama-sama mereka di Kuala Lumpur. Plaintif bersetuju untuk menggaji seorang pembantu rumah.

Pada 10 Mei 2000 Haisheeny telah dibawa tinggal bersama-sama plaintif dan defendan di Kuala Lumpur. Pada 19 Jun 2000, dari tempat kerjanya, defendan telah mendapat tahu bahawa pembantu rumah mereka telah dipecat oleh plaintif. Defendan membuat keputusan untuk meninggalkan rumah plaintif. Pada tarikh tersebut juga (19 Jun 2000) kira-kira jam 7.30 malam, defendan telah meninggalkan rumah plaintif dan pulang ke rumah ibunya di Melaka dengan membawa bersama-samanya Haisheeny. Pada hari tersebut juga dengan bantuan beberapa orang termasuk beberapa orang ahli keluarganya, defendan telah juga membawa keluar barang-barang kepunyaannya dari rumah plaintif. Pada kira-kira jam 8.30 malam 19 Jun 2000 defendan telah membuat lapuran polis mengenai perkara ini (eks. SK5, kandongan 4). Sejak dari tarikh tersebut defendan terus tinggal di rumah ibunya di Melaka bersama-sama Haisheeny.

**Permohonan Dalam Kandongan 24**

Sebelum permohonan dalam kandongan 2 didengar, pada 6 Oktober 2000 defendan telah memfailkan saman dalam kamar (kandongan 24) untuk mendapatkan perentah-perentah berikut:

(i) Doktor Latha dari Poliklinik Dan Surgeri Wanita yang beralamat di No. 32, Jalan Mamanda 7, Ampang Point, 68000 Ampang, Selangor, diperintahkan untuk hadir ke mahkamah pada tarikh pendengaran saman pemula untuk disoalbalas oleh peguam defendan berdasarkan kepada percanggahan dalam surat-surat bertarikh 4 Julai 2000, 4 September 2000 dan 23 September 2000 yang telah ditulis olehnya;

(ii) Doktor Latha dari Poliklinik Dan Surgeri Wanita tersebut diperentahkan untuk membawa ke mahkamah semua rekod rawatan ke atas kanak-kanak bernama Haisheeny Kaur yang dirujuk dalam surat-surat yang dinyatakan diatas.

Permohonan dalam kandongan 24 disokong oleh afidavit defendan (kandongan 25).

Dalam kandongan 25, defendan mendakwa bahawa dalam surat bertarikh 4 Julai 2000 (eks. F dalam kandongan 3), Doktor Latha telah menyatakan bahawa beliau ada memeriksa anak defendan Haisheeny Kaur pada 10 Mei 2000 dan juga pada 25 Mei 2000. Dalam surat bertarikh 4 September 2000 (eks. "SK2" dalam kandongan 19), Doktor Latha telah merujuk kepada surat yang ditulis pada 4 Julai 2000 (eks. "F" dalam kandongan 3), dan mengesahkan bahawa beliau tidak melihat anak defendan, Haisheeny Kaur pada 10 Mei 2000 dan pada 25 Mei 2000. Defendan mendakwa bahawa pengesahan tersebut telah dibuat oleh Doktor Latha kepada peguam defendan, En. Gurdip Singh a/l Maghar Singh. Tetapi dalam surat bertarikh 23 September 2000 (eks. 'A' dalam kandongan 22), Dr. Latha telah menyatakan bahawa beliau ada melihat anak defendan, Haisheeny Kaur pada 10 Mei 2000 dan 25 April 2000. Defendan menyatakan bahawa terdapat pencanggahan yang ketara dalam surat-surat yang ditulis oleh Dr. Latha. Defendan mendakwa bahawa percanggahan dalam surat-surat tersebut mempunyai kesan terhadap permohonan plaintif dalam kandongan 2. Defendan percaya bahawa percanggahan-percanggahan dalam surat-surat yang ditulis oleh Dr. Latha hanya dapat dijelaskan dan diketahui kebenarannya dengan menyoal-balas Dr. Latha tersebut.

Pada 23 Oktober 2000, dalam kehadiran peguam defendan yang juga menyebut bagi pihak peguam plaintif dan dengan tiada bantahan dari peguam plaintif terhadap permohonan defendan dalam kandongan 24, mahkamah ini telah membenarkan permohonan defendan seperti yang dipohon.

Pada tarikh pendengaran permohonan plaintif dalam kandongan 2 pada 25 April 2000, defendan telah tidak meneruskan dengan pemeriksaan balas Dr. Latha. Peguam plaintif dalam hujahnya mengatakan bahawa mahkamah mempunyai dua pilihan. Pertama, membuat keputusan mengenai permohonan dalam kandongan 2 berdasarkan afidavit-afidavit yang telah difailkan. Kedua, menangguhkan keputusan tersebut sehingga selesai pemeriksaan balas doktor berkenaan. Sehubungan ini peguam defendan menghujahkan bahawa mahkamah boleh membuat keputusan berdasarkan afidavit-afidavit yang telah difailkan sahaja tanpa menunggu pemeriksaan

balas doktor. Peguam plaintif tidak mengemukakan apa-apa bantahan atau hujah mengenai isu ini. Dalam hujahnya peguam plaintif mengatakan pemeriksaan balas Dr. Latha tidak berkaitan dengan isu kustodi.

Mahkamah mendapati bahawa plaintif telah memberikan keterangannya mengenai isu ini dalam kandongan 22. Defendan telah memberikan versinya dalam kandongan 19. Dr. Latha pula telah pun memberikan penjelasannya dalam afidavitnya (kandongan 26). Setelah mengambil kira perkara-perkara tersebut, untuk mengelakkan kelewatan dalam pelupusan kes ini dan memandangkan juga bahawa (seperti yang akan menjadi jelas dalam penghakiman ini nanti), isu yang berkaitan dengan pencanggahan dalam pernyataan Dr. Latha dalam surat-surat yang berkaitan tidak akan mempengaruhi keseluruhan penghakiman dan keputusan muktamad dalam kes ini, mahkamah telah memutuskan untuk mendengar hujah-hujah dan menghakimkan kes ini berdasarkan kepada afidavit-afidavit yang telah difailkan, tanpa menunggu pemeriksaan balas Dr. Latha.

Isu mengenai keterangan Dr. Latha tercetus dari apa yang dinyatakan oleh plaintif dalam kandongan 3. Diperenggan 16, kandongan 3 plaintif menyatakan:

> Anak perempuan saya akan berada dalam keadaan yang lebih baik apabila bersama-sama dengan saya kerana dia akan diberi makan yang mencukupi dan bukan diberi kurang makan seperti semasa dia tinggal dengan defendan dan ibu defendan. Pada 10.5.2000 saya telah membawa anak perempuan saya kepada seorang doktor untuk diperiksa. Doktor telah mengesahkan bahawa anak perempuan saya kurang pemakanan (undernourished). Dia kemudian merawatnya. Pada 25.5.2000 saya membawa anak saya semula untuk berjumpa dengan doktor untuk diperiksa semula dan dia mengatakan bahawa anak perempuan saya telah bertambah berat badannya dan kelihatan agak sihat. Ini hanya menunjukkan bahawa apabila anak perempuan saya mula tinggal dengan saya, kesihatannya bertambah baik. Dieksibitkan dan bertanda "F" adalah sesalinan laporan doktor bertarikh 4.7.2000. Laporan tersebut sudah jelas dan nyata. Selanjutnya, saya mempunyai Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari United Kingdom dan sekiranya anak perempuan saya bersama-sama saya beliau akan dikelilingi dengan buku-buku yang akan mendatangkan faedah kepada beliau. Saya agak kaya dan sanggup memberikan beliau segala kesenangan hidup termasuk keperluan jasmani dan spiritual.

Keterangan tersebut dicabar oleh defendan dalam kandongan 4 dimana di perenggan 48, defendan menyatakan:

> Merujuk kepada eksibit "F" dalam afidavit plaintif dan masih berkenaan dengan perenggan 16 afidavit plaintif, pengataan plaintif bahawa anak saya telah berjumpa Dr. Jaswant Singh pada 10.5.2000 adalah tipu dan mustahil sama sekali. Saya ingin merujukkan perhatian mahkamah yang mulia ini kepada perenggan 12 di atas, di mana kami membawa anak saya dari Melaka dan hanya telah sampai di Kuala Lumpur pada 10.5.2000 pada jam lebih kurang 12 malam. Dan pada sepanjang pengetahuan saya, saya tidak mengetahui tentang sebarang lawatan yang telah dibuat ke klinik Dr. Jaswant tersebut pada 25.5.2000 memandangkan bahawa saya sentiasa tahu mengenai apa-apa lawatan ke mana-mana doktor yang pernah dibuat oleh anak saya kerana saya sendiri akan menasihatkan plaintif untuk membawa anak saya pergi ke doktor-doktor seperti yang akan dinamakan di perenggan di bawah ini.

Dakwaan tersebut diulangi oleh defendan dalam kandongan 19, dimana diperenggan 11 defendan telah menyatakan bahawa doktor yang menulis eks. "F" kandongan 3 (Dr. Latha) sendiri telah mengakui melalui suratnya bertarikh 4 September 2000, bahawa surat-surat di eks. "F" kandongan 3 telah ditulis atas permintaan plaintif sendiri, yang merupakan rakan doktor tersebut. Plaintif telah memaklumkan kepada doktor tersebut bahawa surat itu adalah perlu untuk merujukkan Haisheeny kepada doktor pakar. Tentang bagaimana surat Dr. Latha bertarikh 4 September 2000 telah diperolehi olehnya defendan telah menjelaskan seperti berikut (perenggan 11, kandongan 19):

> ... Sebagai penerangan, saya ingin menjelaskan kepada mahkamah yang mulia ini bagaimana saya telah memperolehi surat bertarikh 4.9.2000 tersebut. Setelah diserahkan dengan afidavit kedua plaintif di mana plaintif telah menuduh saya sebagai seorang yang tidak mempraktiskan agama Sikh. Saya telah berjumpa dengan Presiden Sikh Temple Melaka, iaitu Dr. Mahinder Singh untuk memperolehi surat daripada jawatankuasa Sikh Temple Melaka untuk mengesahkan sebaliknya. Dr. Mahinder telah meminta untuk melihat afidavit-afidavit yang telah difailkan dalam tindakan ini. Apabila beliau melihat Eksibit 'F' plaintif, beliau telah memberitahu saya bahawa beliau mengenali Dr. Jaswant (seorang gynae seperti juga Dr. Mahinder) iaitu pemilik klinik tersebut. Dengan itu, beliau telah terus menelefon Dr. Jaswant tersebut dan telah diberitahu olehnya beliau akan memeriksa rekod-rekod kliniknya kerana setahunya beliau tidak kenal akan plaintif atau kes seperti yang direpotkan di dalam surat bertarikh 4-7-2000 tersebut (Eksibit 'F'). Dua hari kemudiannya, saya telah mendapat tahu bahawa seorang doktor yang bekerja untuk Dr. Jaswant telah menulis surat tersebut dan telah mengakui kepada Dr. Jaswant bahawa beliau tidak tahu bahawa suratnya telah digunakan tanpa pengetahuannya untuk tujuan yang lain selain dari yang telah diterangkan oleh plaintif. Doktor tersebut telah berjanji untuk memberi sepucuk surat untuk menerangkan keadaan sebenarnya. Adalah nyata bahawa plaintif telah membuat dakwaan-dakwaan palsu di dalam ketiga-tiga afidavitnya. Plaintif juga telah sanggup untuk menipu kawannya sendiri untuk faedahnya sendiri ...

Surat Dr. Latha bertarikh 4 September 2000 telah dikemukakan sebagai eks. SK2.

Dakwaan yang tersebut telah dipertikaikan oleh plaintif. Di perenggan 3, kandongan 22, plaintif telah menyatakan:

> Defendan adalah seorang yang tidak jujur. Defendan telah pergi berjumpa doktor yang telah merawat anak perempuan saya dan telah menganggu (harrassed) beliau dan telah mendapat sepucuk surat bertarikh 4.9.2000 yang mana telah dieksibitkan di dalam afidavit defendan sebagai 'SK-2'. Doktor tersebut telah kemudiannya menulis sepucuk surat bertarikh 23.9.2000 dan telah menjelaskan sebarang kekeliruan. Beliau telah menyatakan secara kategorikal bahawa beliau telah memeriksa anak perempuan saya pada 10.5.2000 dan 25.5.2000. Dieksibitkan dan bertanda "A" adalah sesalinan surat bertarikh 23.9.2000 oleh Dr. Latha yang telah memeriksa anak perempuan saya. Keterangan tersebut sudah jelas dengan nyata.

Keterangan defendan mengenai Dr. Latha ini disokong oleh afidavit En. Gurdip Singh a/l Maghar Singh (kandongan 21) seorang peguam dari Firma Tetuan Jagjit Singh & Co, Kuala Lumpur, iaitu firma guaman yang mewakili defendan. Keterangan yang relevan dari En. Gurdip Singh dalam kandongan 21 adalah seperti berikut:

> (6) Saya merujuk kepada surat-surat bertarikh 4.7.2000 dan 4.9.2000 dan 23.9.2000 oleh Doktor Latha dari Poliklinik Dan Surgeri Wanita yang di tanda sebagai Eksibit "SK-2"dan 'A' dalam afidavit-afidavit yang dinyatakan di atas;
>
> (7) Saya ingin menyatakan di sini bahawa pada Ogos, 2000, Doktor Latha telah menelefon pejabat saya dan mengaku kepada saya bahawa beliau tidak pada bila-bila masa melihat Haisheeny Kaur pada 10.5.2000 dan 25.5.2000 seperti yang dinyatakan dalam surat bertarikh 4.7.2000 tersebut;
>
> (8) Doktor Latha juga telah mengaku kepada saya bahawa plaintif ada datang untuk melihatnya tanpa membawa Haisheeny Kaur dan telah meminta beliau untuk mengeluarkan surat 4.7.2000 untuk tujuan merujuk anaknya kepada seorang doktor pakar;
>
> (9) Doktor Latha mengaku kepada saya bahawa segala apa yang dinyatakan di dalam surat bertarikh 4.7.2000 telah ditulis di atas arahan plaintif di mana plaintif telah memberitahunya segala kesakitan kanak-kanak tersebut tanpa kehadiran kanak-kanak itu dan memintanya untuk menulis surat bertarikh 4.7.2000 supaya kanak-kanak tersebut dapat di rujuk kepada seorang doktor pakar;

(10) Doktor Latha juga telah menyatakan kepada saya bahawa beliau telah memberi surat bertarikh 4.7.2000 di atas permintaan plaintif kerana plaintif merupakan seorang yang dikenali olehnya;

(11) Doktor Latha juga telah memberitahu saya bahawa beliau tidak tahu yang plaintif akan menggunakan surat tersebut terhadap defendan di mahkamah dan surat tersebut tidak sama sekali dimaksudkan untuk kegunaan di mahkamah;

(12) Doktor Latha selanjutnya juga telah memberitahu saya bahawa memandangkan plaintif merupakan seorang yang dikenali olehnya, beliau telah menulis surat bertarikh 4.7.2000 tersebut hanya untuk membantu plaintif untuk membolehkan kanak-kanak tersebut dilihat oleh seseorang doktor pakar dan tidak sama sekali menduga yang ianya akan digunakan oleh plaintif terhadap defendan untuk kepentingan plaintif sendiri;

(13) Berdasarkan kepada segala apa yang diakui Doktor Latha, saya telah memintanya untuk menulis sepucuk surat untuk menceritakan apa kebenarannya di sebalik surat bertarikh 4.7.2000;

(14) Doktor Latha telah bersetuju untuk memberitahu segala apa sebenarnya yang telah berlaku dan telah menulis surat bertarikh 4.9.2000 tersebut;

(15) Saya mengakui bahawa kandongan surat bertarikh 4.9.2000 adalah apa yang telah diakui oleh Doktor Latha kepada saya dalam Ogos, 2000;

(16) Oleh itu apabila Doktor Latha mengemukakan surat bertarikh 23.9.2000 tersebut, saya berpendapat bahawa saya harus mengikrarkan satu afidavit untuk memaklumkan kepada mahkamah yang mulia ini tentang pengakuan Doktor Latha kepada saya dalam Ogos, 2000 dan pencanggahannya dari kandongan surat bertarikh 23.9.2000 tersebut.

Adalah jelas bahawa dengan keterangan di perenggan 16, kandongan 3, fakta yang hendak dibuktikan oleh plaintif ialah bahawa sejak Haisheeny tinggal bersama-samanya dan defendan di Kuala Lumpur, Haisheeny menjadi bertambah sihat dan bertambah berat badan. Untuk menyokong pernyataan tersebut surat Dr. Latha bertarikh 4 Julai 2000 (eks. "F" kandongan 3) telah dikemukakan sebagai bukti. Dalam surat tersebut Dr. Latha menyatakan dia telah memeriksa Haisheeny pada 10 Mei 2000 dan 25 Mei 2000. Oleh kerana pernyataan Dr. Latha ini dicabar oleh defendan, timbul persoalan samada Dr. Latha sebenarnya telah memeriksa Haisheeny pada 10 Mei 2000 dan 25 Mei 2000? Jadi apa yang sepatutnya merupakan satu pembuktian bagi satu perkara yang mudah telah menimbulkan satu isu lain yang mengakibatkan lebih banyak afidavit difailkan dan mengujudkan isu baru bagi plaintif dan defendan menuduh antara satu dengan lain.

Dari keterangan yang tersebut di atas satu perkara adalah jelas. Terdapat percanggahan dalam surat-surat Dr. Latha tentang pernyataannya mengenai persoalan samada dia ada memeriksa Haisheeny pada 10 Mei 2000 dan 25 Mei 2000. Dalam surat bertarikh 4 Julai 2000 (eks. 'F', kandongan 3) dia menyatakan dia telah memeriksa Haisheeny pada 10 Mei 2000 dan 25 Mei 2000. Manakala dalam surat bertarikh 14 September 2000 (eks. SK2 – kandongan 19) dia menyatakan bahawa dia tidak memeriksa Haisheeny pada 10 Mei 2000 dan 25 Mei 2000. Dalam surat bertarikh 23 September 2000 (eks. 'A' – kandongan 22) pula dia menyatakan dia ada memeriksa Haisheeny Kaur pada 10 Mei 2000 dan 25 Mei 2000. Jika dia telah tidak memeriksa Haisheeny pada tarikh-tarikh tersebut kenapa dia menyatakan sebaliknya dalam eks. 'F' kandongan 3? Dalam kandongan 26, Dr. Latha menjelaskan bahawa surat tersebut diberikan kepada plaintif dengan tujuan untuk membolehkan plaintif merujukkan Haisheeny kepada doktor pakar, bukan untuk digunakan sebagai bukti di mahkamah. Kenapa pula Dr. Latha mengeluarkan surat bertarikh 4 September 2000 (eks. SK2 – kandongan 19)? Penjelasan Dr. Latha dalam kandongan 26 ialah bahawa dia telah didesak oleh defendan. Atas desakan defendan dan kerana tidak tahan melihat defendan merayu dan menangis, dia telah menulis surat tersebut. Nampaknya, berdasarkan kepada penjelasannya sendiri Dr. Latha merupakan seorang yang tidak tetap dan tidak kuat pendirian dan terlalu "obliging". Jika benar Dr. Latha telah tidak memeriksa Haisheeny pada 10 Mei 2000 dan 25 Mei 2000, maka pendapat serta penilaiannya mengenai Haisheeny seperti yang terdapat di eks. 'F' – kandongan 3 memang tidak dapat diterima. Katakanlah Dr. Latha telah memeriksa Haisheeny pada 10 Mei 2000 dan 25 Mei 2000. Ini akan membawa implikasi bahawa apa yang dinyatakan oleh Dr. Latha dalam suratnya bertarikh 4 September 2000 (eks. SK2 – kandongan 19) bahawa dia telah tidak memeriksa Haisheeny pada kedua-dua tarikh tersebut, adalah tidak betul. Walaupun dia tahu bahawa apa yang dinyatakan dalam surat tersebut tidak betul, Dr. Latha telah mengeluarkan juga surat tersebut kepada defendan, kerana menurutnya dia tidak tahan dan kasihan melihat defendan menangis dan merayu. Saya tidak fikir Dr. Latha merupakan seorang saksi yang selamat diterima keterangannya bagi membuat kesimpulan atas isu yang hendaklah dibuktikan oleh plaintif melalui keterangan doktor tersebut. Saya tidak bersedia untuk menggunakan surat dan keterangan dari seorang saksi yang bersikap dan berpendirian demikian untuk membuat keputusan tentang isu kesihatan dan pertambahan berat badan Haisheeny. Dalam penghakiman saya dengan itu juga, bagi tujuan penghakiman dalam kes ini, tiada apa lagi yang perlu diperkatakan dengan lebih lanjut mengenai kredibiliti Dr. Latha.

Sebelum beralih kepada isu yang lebih penting dalam kes ini, saya ingin menegaskan bahawa kalau pun pernyataan plaintif bahawa Haisheeny sihat dan bertambah berat badan sejak tinggal dengannya dan defendan di Kuala Lumpur, diterima sebagai benar, ianya tidak akan mempengaruhi penghakiman muktamad dalam kes ini. Ianya hanya merupakan satu fakta sampingan yang kecil. Tambahan pula saya tidak mendapati apa-apa keterangan yang menunjukkan bahawa ketika tinggal dengan defendan di Melaka sejak dia dilahirkan pada 16 Oktober 1998 sehingga 10 Mei 2000 Haisheeny tidak sihat, tidak cukup makan atau tidak dijaga dengan baik oleh defendan dan/atau ibu defendan. Malah seperti yang akan saya huraikan dalam penghakiman ini nanti, sejak dilahirkan sehingga saya melihatnya di mahkamah pada 10 November 2000, saya berpuas hati bahawa Haisheeny telah dibela, dibesarkan dan dijaga dengan memuaskan oleh plaintif dan/atau ibu defendan.

**Injunksi**

Dalam kandongan 2, plaintif memohon kepada mahkamah ini untuk mengeluarkan injunksi untuk:

(i) menghalang defendan daripada melarikan/menculik kanak-kanak bernama Haisheeny Kaur, berumur 20 bulan daripada bidang kuasa Semenanjung Malaysia, dan

(ii) menghalang defendan daripada memohon paspot untuk kanak-kanak tersebut.

Peguam plaintif menghujahkan bahawa plaintif takut defendan akan melarikan anak mereka dari Malaysia. Menurut peguam plaintif, defendan ingin menghalang anak mereka dari dibawa keluar dari bidangkuasa mahkamah ini. Menurutnya, jika anak mereka dibawa keluar dari Malaysia adalah sukar bagi plaintif untuk mengesan anak itu. Sedangkan sekarang dalam lengkongan 100 batu dalam Malaysia pun plaintif mendapatinya sukar untuk berjumpa dengan anaknya. Menurut peguam plaintif, walaupun Malaysia tidak menjadi pihak kepada Hague Convention on International Child Abduction, mahkamah ini masih boleh merujuk kepada kes-kes dari negara-negara yang menjadi pihak kepada konvensyen tersebut. Peguam plaintif merujuk kepada kes-kes berikut:

(i) *G. v. G (Minor) (Abduction)* vol 21 (1991) Family Law 519;

(ii) *Re S and another (minors) (abduction: wrongful detention)* [1994] 1 All ER 237;

(iii) *In re T (Infants)* [1968] 1 Ch. 704;

(iv) *In re L (Minors) (Wardship: Jurisdiction)* [1974] WLR 250;

dan

(v) *Neduncheliyan Balasubramanian v. Kohila a/p Shanmugam* [1997] 4 CLJ 676.

Peguam defendan dalam hujah balasnya mengenai isu ini, menghujahkan bahawa sepatutnya permohonan plaintif dalam perenggan (i) dan (ii) kandongan 2 dibuat secara alternatif, bukan seperti yang dibuat dalam permohonannya itu.

Seterusnya, peguam defendan merujuk kepada s. 101 Law Reform (Marriage Divorce Act 1976) (Act 164) dan menghujahkan bahawa berdasarkan kepada seksyen tersebut, plaintif perlu membuktikan bahawa satu "matrimonial proceeding is pending" atau bahawa ujud satu perjanjian atau perentah mahkamah yang memberikan hak penjagaan kepada seorang penjaga. Menurutnya, jika mana-mana aspek tersebut tidak dibuktikan, permohonan plaintif di perenggan (i) dan (ii) hendaklah ditolak. Peguam defendan menghujahkan bahawa kebimbangan plaintif bahawa anak mereka akan dilarikan ke New Zealand tidak disokong oleh fakta-fakta. Jadi kebimbangan itu adalah tidak berasas.

Tidaklah dinafikan bahawa dalam kes *Neduncheliyan Balasubramaniam v. Kohila* yang telah dirujuk oleh peguam plaintif, Mahkamah Rayuan telah merujuk kepada beberapa kes dari luar negara. Tetapi ini tidak bererti bahawa kes-kes tersebut terpakai dalam kes ini. Ini adalah kerana fakta-fakta dan isu dalam kes ini adalah berbeza dari fakta-fakta dan isu-isu dalam kes-kes tersebut.

Dalam kes *G v. G*, perayu (bapa kanak-kanak) adalah seorang rakyat Amerika Syarikat, sementara responden (ibu kanak-kanak) adalah rakyat England. Kedua-dua mereka tinggal di Kenya, berkahwin di situ pada tahun 1982 dan telah memperolehi dua orang anak. Perkahwinan mereka gagal dan responden telah meninggalkan rumah mereka dan tinggal berdekatan dengan rumah itu bersama anak-anaknya. Responden telah memulakan prosiding di mahkamah di Kenya untuk mendapatkan hak penjagaan anak-anak. Prosiding tersebut telah ditangguhkan dari masa ke semasa. Responden kemudiannya pulang ke England dengan membawa anak-anak mereka. Perayu telah pergi ke England dan membuat permohonan di mahkamah untuk mendapatkan perentah supaya anak-anak mereka dikembalikan ke Kenya. Perayu gagal untuk mendapatkan perentah yang dipohon dan dia telah merayu ke Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa hakim perbicaraan telah silap kerana tidak

memberikan apa-apa pertimbangan yang beralasan tentang isu utama, iaitu, samada kes tersebut patut didengar oleh Mahkamah Kenya atau mahkamah di England?

Dalam kes *Re S and another (minor) (abduction: wrongful detention)*, suami dan isteri datang ke England dari Israel dengan hasrat untuk bekerja. Mereka mempunyai dua orang anak, seorang berumur lima tahun dan seorang lagi 15 bulan. Perkahwinan mereka gagal dan suami pulang ke Israel dan memulakan prosiding penceraian. Suami kemudiannya mengemukakan saman pemula di England terhadap isterinya untuk mendapatkan pemulangan anak-anak mereka ke Israel, atas alasan bahawa "habitual residence" anak-anak tersebut adalah Israel dan isteri didakwa menahan anak-anak tersebut dengan salah di England bertentangan dengan art. 3 Convention on the Civil Aspects of International Child Abduction 1980 yang telah diterima pakai di England oleh Child Abduction and Custody Act 1985. Jadi keputusan kes tersebut melibatkan pentafsiran dan pemakaian konvensyen tersebut.

Kes *In Re T. (infants)* melibatkan hak penjagaan dua orang anak warganegara Kanada yang telah dibawa oleh ibu mereka ke England. Mahkamah Rayuan di England telah memutuskan bahawa, dalam kes di mana anak-anak dari negara luar dibawa ke England oleh ibu atau bapa mereka tanpa pengetahuan dan izin penjaga yang seorang lagi, adalah menjadi tanggungjawab mahkamah di England untuk memulangkan anak-anak tersebut ke negara asal mereka, jika mahkamah berpuas hati selepas siasatan, bahawa tidak terdapat kemudaratan yang ketara jika mereka dipulangkan ke negara asal mereka.

Kes *In re L (minors) (wardship: Jurisdiction)* juga melibatkan pertikaian mengenai hak penjagaan dua orang anak warganegara luar yang dibawa ke England oleh ibu mereka.

Kes *Neduncheliyan Balasubramaniam* pula melibatkan persoalan samada mahkamah di Malaysia mempunyai bidang kuasa untuk menimbangkan permohonan untuk jagaan dua orang kanak-kanak warganegara Kanada. Bapa kanak-kanak tersebut adalah rakyat Kanada dan manakala ibu mereka telah memperolehi taraf pemastautin tetap Kanada. Bapa dan ibu kanak-kanak tersebut telah berkahwin di Kanada dan keluarga tersebut juga tinggal di Kanada. Keluarga tersebut telah datang ke Malaysia untuk lawatan dan percutian.

Dalam kes di hadapan mahkamah ini plaintif dan defendan serta anak-anak mereka adalah warganegara Malaysia dan kesemua mereka pada kesemua masa yang material, masih berada di Malaysia. Soal pertemuan bidang

kuasa mahkamah dua negara tidak menjadi isu dalam kes ini. Jadi saya berpendapat kes-kes dari England dan juga kes *Neduncheliyan Balasubramaniam* yang telah dirujuk oleh peguam plaintif tidak dapat menyokong hujahnya dan adalah tidak relevan.

Saya beralih kepada hujah peguam defendan mengenai s. 101 Akta 164. Seksyen tersebut menyatakan:

(1) The court may on the application of the father on mother of a child:

(a) where any matrimonial proceeding is pending; or

(b) where, under any agreement on order of court, one parent has custody of the child to the exclusion of the other,

issue an injunction restraining the other parent from taking the child out of Malaysia or may give leave for such child to be taken out of Malaysia either unconditionally on subject to such conditions on such undertaking as the court may think fit.

(2) The court may, on the application of any interested, person, issue an injunction restraining any person other than a person having custody of a child, from taking the child out of Malaysia.

(3) Failure to comply with an order made under this section shall be punishable as a contempt of court.

Seksyen tersebut memberi kuasa kepada mahkamah untuk menahan kanak-kanak dari dibawa keluar dari Malaysia. Dibawah s. 101(1) Akta 164, mahkamah boleh, atas permohonan ibu atau bapa seorang kanak-kanak, mengeluarkan perentah injunksi melarang ibu atau bapa kanak-kanak itu menurut mana-mana yang berkenaan, dari membawa kanak-kanak tersebut keluar dari Malaysia dalam kes di mana satu "matrimonial proceeding" adalah "pending" **atau** di mana di bawah suatu perjanjian atau perentah mahkamah, hak penjagaan anak telah diberi secara eksklusif kepada ibu atau bapa. Seksyen 101(2) pula memberi kuasa kepada mahkamah, atas permohonan mana-mana orang yang berkepentingan, untuk mengeluarkan perentah injunksi menahan mana-mana orang, selain dari orang yang mempunyai penjagaan kanak-kanak yang berkenaan, dari membawa kanak-kanak itu keluar dari Malaysia. Dalam kes ini seksyen yang terpakai ialah s. 101(1). Dari keterangan-keterangan afidavit yang dikemukakan dalam kes ini, tiada terdapat bukti yang menunjukkan bahawa terdapat suatu prosiding matrimonial yang "pending" atau terdapat satu penjanjian atau perentah mahkamah yang memberi hak jagaan kepada seorang penjaga secara eksklusif. Oleh yang demikian saya bersetuju dengan hujah peguam defendan bahawa syarat-syarat yang ditetapkan dibawah s. 101(1) Akta 164

telah tidak dipenuhi oleh plaintif. Selain daripada itu terdapat satu lagi alasan mengapa saya memutuskan plaintif telah gagal untuk membuktikan kesnya untuk mendapatkan perentah injunksi yang dipohon.

Di perenggan 3, kandongan 3 plaintif telah mengikrarkan bahawa:

> Defendan dan saya telah berkahwin selama lebih dari dua setengah (2½) tahun. Perkahwinan tersebut telah gagal sejak permulaan disebabkan campurtangan ibu defendan. Defendan bekerja disebuah bank. Beliau bercadang untuk pergi ke New Zealand dengan anak saya.

Di perenggan 6, kandongan 3, plaintif menyatakan:

> Tidak terdapat sebarang alasan mengapa anak perempuan saya mesti tinggal dengan ibu defendan. Dia hanya akan meracuni pemikiran anak tersebut terhadap saya. Tempat anak perempuan saya yang wajar adalah dengan saya, bapanya. Saya tidak akan menghalangi defendan akses dengan anak perempuan saya. Apa yang saya risaukan adalah bahawa defendan **mungkin** akan secara sulit memindahkan anak perempuan saya keluar dari bidang kuasa negara ini. Jika ini berlaku, saya tidak akan mendapat apa-apa pertolongan (recourse). Disebabkan alasan tersebut, maka saya memfailkan permohonan ini. (tekanan ditambah)

Di perenggan 15, kandongan 3 pula plaintif menyatakan:

> Sekiranya defendan terlepas beliau pergi ke New Zealand bersama-sama dengan anak perempuan saya, saya akan terlucut hak daripada anak perempuan saya selama-lamanya. Seterusnya, defendan tidak berkedudukan untuk menjaga anak perempuan saya. Defendan tidak boleh membawa anak perempuan saya keluar daripada Malaysia Barat tanpa kebenaran nyata daripada saya, kerana saya adalah bapa anak perempuan itu.

Selain daripada apa yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan tersebut, plaintif tidak mengemukakan apa-apa keterangan mengenai alasan mengapa plaintif bimbang defendan mungkin akan membawa keluar anak mereka pergi ke New Zealand.

Dakwaan plaintif telah dinafikan oleh defendan. Dalam afidavit jawapannya kandongan 4, di perenggan 14, defendan telah menyatakan:

> Saya tidak pernah ada apa-apa niat untuk pergi ke New Zealand secara sendiri dan/atau dengan anak saya. Tambahan pula, saya tidak pernah mengindoskan paspot saya dengan nama anak saya untuk ke mana-mana sekali pun. Tambahan pula, saya tidak meletakkan jawatan dan masih sedang bekerja sepenuh masa (gainfully employed). Lagi pun, saya sedang kini memohon untuk mendapat pemindahan tempat kerja balik ke Melaka dan saya difahamkan bahawa permohonan saya adalah dalam proses. Dakwaan plaintif adalah rekaan semata-mata dan tidak dapat dibuktikan dengan apa jua cara sekali pun.

Di perenggan 31 kandongan 4, defendan menyatakan:

> Penyataan plaintif bahawa saya mungkin secara sulit akan memindahkan anak saya keluar bidang kuasa adalah langsung tidak berasas ...

Sebagai jawapan kepada kandongan 4 yang telah diikrarkan oleh defendan pada 26 Julai 2000, plaintif telah memfailkan kandongan 7. Di perenggan 5 kandongan 7 plaintif menyatakan:

> Defendan dan ibu beliau secara kategorikal memberitahu saya bahawa defendan akan pergi ke New Zealand bersama-sama dengan anak perempuan saya dan saya tidak boleh berbuat apa-apa mengenainya, memandangkan beliau mempunyai saudara di New Zealand, yang akan memberikan perlindungan sementara. Telah terdapat pelbagai kes di mana satu penjaga menculik anak-anak mereka keluar dari 'native jurisdiction'. Mereka boleh menafikannya. Memandangkan defendan telah memberitahu bahawa beliau bercadang untuk menculik anak saya dan terbang ke New Zealand, mahkamah mesti menyedari (cognisance) dan memberikan saya suatu injunksi menahan defendan dari menculik anak saya keluar dari negara. Saya tidak melihat anak perempuan saya sejak 19.6.2000 dan samada dia berada di dalam negara, hanya tuhan yang tahu.

Dakwaan tersebut telah dinafikan oleh defendan dalam kandongan 11. Saya dapati dakwaan tersebut, iaitu, bahawa defendan dan ibu defendan telah memberitahu plaintif bahawa defendan akan pergi ke New Zealand bersama-sama dengan anak mereka dan bahawa defendan mempunyai saudara di New Zealand seperti yang dinyatakan diatas, telah ditimbulkan oleh plaintif buat kali pertama pada 10 Ogos 2000 apabila kandongan 7 diikrarkan olehnya. Adalah agak menghairankan kenapa dakwaan tersebut tidak ditimbulkan dalam afidavit sokongan plaintif (kandongan 3) yang telah diikrarkan pada 17 Julai 2000. Jika apa yang didakwa oleh plaintif itu adalah benar, dakwaan tersebut sepatutnya telah diikrarkan oleh plaintif sebaik-baik sahaja timbul kesempatan baginya untuk menimbulkannya, iaitu pada 17 Julai 2000, apabila kandongan 3 diikrarkan untuk menyokong permohonannya dalam kandongan 2, kerana apa yang dinyatakan di perenggan 5 kandongan 7 nampaknya merupakan satu-satunya alasan yang menurut plaintif, menjadikannya bimbang yang anaknya akan dibawa lari ke New Zealand. Jika benar, alasan itu semestinya merupakan sesuatu yang sangat penting bagi plaintif. Oleh yang demikian jika dakwaan tersebut benar, tidak mungkin plaintif akan terlupa dan terlepas pandang mengenainya pada 17 Julai 2000. Sebaliknya alasan yang dikemukakan dalam afidavit sokongannya (kandongan 3) untuk menyokong permohonannya untuk mendapatkan injunksi ialah bahawa "defendan **mungkin** akan secara sulit memindahkan anak mereka keluar dari bidang kuasa negara ini". Plaintif tidak memberikan apa-apa penjelasan mengapa

dakwaan tersebut tidak ditimbulkan olehnya pada 17 Julai 2000. Dalam penghakiman saya, hakikat bahawa dakwaan tersebut hanya dibuat selepas terdapat penafian oleh defendan (bahawa dia akan melarikan Haisheeny ke New Zealand) dalam kandongan 5, menjadikan dakwaan tersebut amat diragukan kebenarannya. Kesimpulan bahawa dakwaan tersebut adalah satu "afterthought" tidak dapat diketepikan.

Saya juga mendapati fakta bahawa defendan sedang bekerja sepenuh masa di Hongkong Shanghai Bank di Kuala Lumpur dan bahawa ibu defendan dan keluarganya tinggal di Melaka tidak dinafikan. Rakan-rakan rapat defendan juga tinggal di Melaka. Selain dari apa yang dinyatakan oleh plaintif dalam kandongan 3 dan kandongan 7 (terutamanya perenggan 5) seperti yang telah dihuraikan, tidak terdapat bukti yang menunjukkan bahawa defendan mempunyai keluarga atau seseorang yang rapat dengannya di New Zealand. Tidak juga terdapat apa-apa bukti yang menunjukkan atau yang darinya mahkamah ini boleh membuat inferensi bahawa defendan telah membuat apa-apa persiapan atau akan melarikan anak meneka ke New Zealand. Dari keterangan yang ada di hadapan mahkamah, saya membuat kesimpulan bahawa tiada sebab bagi defendan untuk berbuat demikian. Dalam penghakiman saya apa yang dinyatakan oleh plaintif dalam afidavit sokongannya hanyalah dakwaan dan kebimbangan yang tidak berasas.

Atas alasan-alasan yang tersebut di atas saya terpaksa menolak permohonan untuk perentah injunksi di perenggan (i) dan (ii) kandongan 2.

**Jagaan**

Peguam plaintif berhujah bahawa di antara 19 Jun 2000 hingga 25 Oktober 2000 plaintif hanya dapat berjumpa dengan anaknya sekali dan mendakwa bahawa defendan dan keluarganya menghalang plaintif untuk berjumpa dengan anaknya. Dengan merujuk kepada surat peguam defendan bertarikh 26 Ogos 2000 (eks. A, kandongan 17) peguam plaintif mendakwa bahawa syarat-syarat yang dikemukakan dalam surat tersebut mengenai akses kepada Haisheeny adalah tidak munasabah dan bertujuan untuk memisahkan plaintif daripada anaknya.

Peguam plaintif juga menghujahkan bahawa defendan bukan seorang ibu yang bertanggungjawab dan tidak sesuai untuk menjaga Haisheeny. Ini, seperti yang didakwa oleh plaintif dalam afidavit-afidavitnya adalah kerana defendan kuat meminum minuman keras dan kerana defendan mempunyai hubungan sulit dengan seorang bernama Ray James Scully. Selain dari itu, plaintif mendakwa bahawa defendan bekerja dan tinggal di Kuala Lumpur. Tidak ada sebab mengapa Haisheeny patut tinggal di Melaka. Menurutnya plaintif mempunyai sebuah rumah di Kuala Lumpur dan Haisheeny tidak memerlukan belas ihsan dari orang lain.

Meneruskan hujahnya, peguam plaintif menyatakan bahawa walaupun Haisheeny pada masa pendengaran kes ini tinggal di Melaka, perpindahannya ke Kuala Lumpur kelak dan tinggal dengan plaintif tidak akan memudaratkan Haisheeny. Haisheeny akan menyesuaikan dirinya dengan persekitaran yang baru dan akan dapat berkawan dengan dua orang sepupunya yang berumur lebih kurang sama dengannya. Menurut peguam plaintif, pertimbangan utama adalah bagi Haisheeny tinggal dengan plaintif di rumahnya di Kuala Lumpur. Plaintif mengakujanji akan memberi akses kepada defendan. Untuk menyokong hujahnya, peguam plaintif telah merujuk kepada kes-kes *Helen Ho Quee New v. Lim Pui Heng* [1974] 2 MLJ 52, *Lee Soh Choo v. Tan Ket Huat* [1987] 1 MLJ 255, *Kok Yoong Heong v. Choong Thean Sang* [1976] 1 MLJ 292, dan *Wong Kwong Siong v. Ling Ping Ngaik* [1972] 1 MLJ 116.

Peguam defendan pula berhujah bahawa plaintif mesti menunjukkan bukti-bukti untuk menyangkal anggapan di bawah s. 88(3) Akta 164. Dalam kes ini, peguam defendan menyatakan bahawa plaintif gagal mengemukakan bukti-bukti tersebut.

Alangkah baiknya dan alangkah bahagianya kesemua pihak jika Haisheeny dapat tinggal bersama-sama dengan plaintif dan defendan serta dibela dan dibesarkan bersama-sama oleh kedua-dua mereka. Tetapi itu hanya tinggal harapan. Kebahagiaan dan kasih sayang yang diharapkan dapat dijalin dan dipupuk dengan perkahwinan di antara plaintif dan defendan pada 19 Disember 1997, sebaliknya telah bertukar menjadi pertikaian yang diiringi dengan pemfailan afidavit demi afidavit oleh plaintif dan defendan dalam mana mereka saling tuduh menuduh dan memburukkan diantara satu dengan yang lain. Di atas perpecahan dan kekecewaan ini, mahkamah dipertanggungjawabkan memutuskan sesuatu yang terbaik buat Haisheeny.

Kedudukan undang-undang mengenai tanggungjawab mahkamah dalam kes-kes mengenai jagaan seperti ini adalah jelas. Dalam menjalankan kuasa-kuasanya, pertimbangan utama bagi mahkamah ialah kebajikan kanak-kanak yang berkenaan. Seksyen 11 Akta Penjagaan Budak 1961 (Akta 351) menyatakan:

> The court of a judge, in exercising the powers conferred by this Act, shall have regard primarily to the welfare of the infant and shall, where the infant has a parent or parents, consider the wishes of such parent or both of them, as the case may be.

Prinsip yang sama juga telah ditetapkan dibawah Akta 164. Seksyen 88 Akta tersebut menyatakan:

(1) The court may at any time by order place a child in the custody of his or her father or his or her mother or, where there are exceptional circumstances making it undesirable that the child be entrusted to either parent, of any other relative of the child or of any association the objects of which include child welfare or to any other suitable person.

(2) In deciding in whose custody a child should be placed the paramount consideration shall be the welfare of the child and subject to this the court shall have regard:

(a) to the wishes of the parents of the child; and

(b) to the wishes of the child, where he or she is of an age to express an independent opinion.

(3) There shall be a rebuttable presumption that it is for the good of a child below the age of seven years to be with his or her mother but in deciding whether that presumption applies to the facts of any particular case, the court shall have regard to the undesirability the life of a child by changes of custody.

Dalam kes *Mahabir Prasad v. Mahabir Prasad* [1982] 1 MLJ 189, di ms 193 Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> In short the learned judge has given the overriding consideration of the welfare of the children uppermost in his mind. That, we think, is the correct approach. We would state categorically that that must be first and paramount consideration and other considerations must be subordinate. The mere desire of a parent to have his children must be subordinate to the consideration of the welfare of the children, and can be effective only if it coincides with their welfare. Consequently, it cannot be right to speak of the pre-eminent position of the parents alone, or their exclusive right to the custody of the children, when their future is being considered by the court. Neither is it right to choose between two unimpeachable parents; we are here considering two households.

Dengan kedudukan undang-undang seperti yang telah diputuskan itulah mahkamah ini mesti mempertimbangkan kes ini berdasarkan kepada keterangan dalam afidavit-afidavit yang telah difailkan oleh plaintif dan defendan.

Saya mulakan dengan dakwaan plaintif mengenai salah laku defendan yang dikatakan tidak bertanggungjawab dan bersikap tidak peduli. Ini menurut plaintif menjadikan defendan seorang ibu yang tidak sesuai. Dalam afidavitnya, plaintif mendakwa defendan lebih berminat untuk pergi ke pub-pub dan disko dan pulang lewat malam. Plaintif mendakwa bahawa defendan sering minum minuman keras dan mabuk di pub-pub dan pulang

lewat malam. Menurut plaintif ini disaksikan oleh seorang kawannya bernama Desmond Aloysius Jeremiah. Desmond Jeremiah dalam afidavitnya telah mengikrarkan:

> Saya telah melihat defendan **beberapa kali di pub-pub berlainan dalam keadaan mabuk bersama dengan beberapa lelaki.** Kadang kala beliau meletakkan kepalanya pada bahu teman lelaki beliau. **Saya juga telah melihat beliau di dalam disko di Jalan Ampang, menari dengan pelbagai lelaki.** Pada ketika itu, saya melihat beliau minum minuman keras. Pada masa itu beliau tidak berada dengan plaintif ... (tekanan ditambah).

Tohmahan tersebut telah dinafikan oleh defendan. Peguam defendan dalam hujahnya menyatakan bahawa Desmond dalam afidavitnya langsung tidak menyebut secara terperinci tentang tarikh, waktu dan nama pub atau bar. Menurutnya, tohmahan seperti ini memang mudah dibuat. Saya bersetuju dengan hujah tersebut. Bagi tohmahan yang sebegitu berat adalah tidak memadai membuat dakwaan secara am seperti itu. Dakwaan tersebut jika diteliti, melibatkan banyak pub dan hubungan yang sangat intim di antara defendan dengan beberapa orang lelaki pada tarikh-tarikh yang berlainan.

Mungkin Desmond tidak boleh ingat butir-butir mengenai kesemua pub-pub, tarikh-tarikh dan lelaki yang terlibat. Tetapi jika dakwaan Desmond benar, sudah pasti dia sekurang-kurangnya dapat memberikan bukti-bukti mengenai dua atau tiga pub yang terlibat dan juga lebih banyak butir-butir mengenai masa yang material defendan didakwanya berada di tempat-tempat tersebut. Satu perkara yang agak menghairankan ialah Desmond adalah seorang peniaga. Jika dakwaan Desmond itu benar ini bererti setiap kali defendan berada di beberapa pub-pub dan disko itu pada masa-masa yang material, Desmond juga akan berada di tempat-tempat tersebut dimasa-masa yang material itu. Plaintif tidak mendakwa bahawa Desmond telah diupah olehnya untuk mengekori dan mengintip setiap pergerakan defendan dan tidak ada bukti sama sekali yang dikemukakan di mahkamah mengenai perkara ini. Kalau sekali dua Desmond menyatakan dia terserempak dengan defendan barangkali dakwaan ini boleh dipertimbangkan sebagai munasabah. Tetapi jika diteliti dakwaan Desmond, nyatalah bahawa apa yang didakwanya ialah pada setiap kali defendan dikatakan berada di pub-pub dan disko tersebut, Desmond dengan tepat dan "taat" juga berada ditempat-tempat tersebut. Ini dalam penghakiman saya adalah satu kebetulan yang sukar diterima.

Plaintif juga mendakwa defendan mempunyai hubungan sulit dengan Ray James Scully, seorang pegawai di HSBC Cawangan Melaka yang telah berumahtangga. Ini menurutnya, dapat dilihat dari fakta bahawa defendan sering menelefon Ray James Scully (eks. D dan E kandongan 3).

Defendan dalam afidavitnya mengakui ada membuat beberapa panggilan telefon kepada Ray James Scully. Menurutnya, Ray James Scully merupakan kawan karibnya dan rakan sekerja semasa dia bekerja di HSBC Melaka. Menurut defendan, perhubungannya dengan Ray James Scully adalah tidak lebih dari sebagai seorang kawan dan perkara ini diketahui sepenuhnya oleh ahli-ahli keluarga defendan dan juga keluarga Ray James Scully. Mereka mengenali antara satu dengan lain. Apa yang dinyatakan oleh defendan disokong oleh afidavit Ray James Scully (kandongan 10). Bahagian yang relevan dalam afidavitnya menyatakan:

> (6) Saya tidak berkeberatan untuk menyatakan bahawa saya pernah menghubungi defendan beberapa kali melalui telefon. Saya menganggapkan defendan sebagai seorang kawan karib dan seperti adik saya sendiri dan defendan juga pernah menjadi rakan sekerja saya di HSBC, Cawangan Melaka selama lebih kurang tujuh (7) tahun sebelum defendan telah berpindah ke Kuala Lumpur;
>
> (7) Juga, pemindahan tempat kerja defendan ke Kuala Lumpur adalah ke jabatan yang sama (Personal Recovery Unit) dengan saya dan dengan itu kami seringkali berhubungan pasal kerja dan untuk memberi tunjuk ajar serta nasihat memandangkan jawatan saya sebagai seorang pegawai (officer) menjadikan saya lebih berpengetahuan dan berpengalaman untuk membantu defendan di tempat kerjanya yang baru seberapa yang boleh;
>
> (8) Masih merujuk kepada "Eksibit D" plaintif, pada masa panggilan-panggilan itu dibuat defendan dan saya juga ada berhubung melalui telefon berkenaan dengan suatu ujian yang telah diadakan oleh pihak bank HSBC bagi mereka yang ingin dinaikkan pangkat ke seorang 'Pegawai' (Officers' exam) dan defendan telah menunjukkan minat untuk menduduki ujian tersebut. Dengan itu, saya telah banyak membantu defendan mengenai cara-cara untuk mengisikan borang permohonannya serta berkenaan dengan soalan-soalan yang mungkin akan ditanyakan dalam ujian tersebut. Juga dijelaskan di sini bahawa saya telah menjadi Pegawai Bank HSBC selama lebih kurang empat (4) tahun dan khususnya dalam jabatan 'Personal Recovery Unit' selama lebih kurang satu (1) tahun. Dengan itu, saya dapat membantu defendan kerana saya sendiri pernah menduduki ujian pegawai yang dirujukkan di atas;
>
> (9) Tambahan pula, sebagai seorang kawan karib defendan ada berbincang masalah-masalah yang dihadapinya dengan saya. Merujuk kepada 'Eksibit D' plaintif, saya ingin menjelaskan bahawa penggilan-panggilan yang dibuat (diantara 24.5.2000 hingga 15.6.2000) tersebut telah dibuat pada masa defendan banyak menghadapi masalah dengan suaminya, iaitu plaintif;

(12) Juga adalah dimaklumkan di sini persabahatan saya dengan defendan adalah diketahui sepenuhnya oleh isteri saya dan ahli-ahli keluarga defendan dan juga adalah dimaklumkan bahawa saya tidak pernah ada apa-apa niat yang lain terhadap persahabatan saya dengan defendan seperti yang cuba dikatakan oleh plaintif. Saya amat menyayangi isteri saya dan anak saya dan sebagai seorang bapa, saya sentiasa bersikap prihatin kepada kebajikan keluarga saya serta kegembiraan kami bersama dan juga sedar akan tanggungjawab saya sebagai seorang suami dan bapa;

(14) Berkenaan dengan dakwaan pihak plaintif dalam perenggan 12 Afidavit Sokongan plaintif mengenai kedudukan hubungan saya dengan defendan, saya ingin mengatakan bahawa saya pada setiap masa tidak mempunyai apa-apa perhubungan dengan defendan kecuali suatu perhubungan persahabatan yang karib.

Apa yang dinyatakan oleh defendan dan Ray James Scully disokong oleh Sharon Anne Sta Maria, isteri Ray James Scully sendiri. Dalam afidavitnya (kandongan 9), Sharon Sta Maria menyatakan:

(4) Saya ingin merujuk kepada Perenggan 10 Afidavit Sokongan Plaintif (selepas ini dirujuk sebagai "Afidavit tersebut') di mana plaintif telah mengemukakan beberapa dakwaan terhadap suami saya, iaitu Ray James Scully dan juga suatu cabaran kepada saya;

(5) Saya ingin mengesahkan melalui afidavit saya di sini bahawa saya telah meneliti Afidavit Sokongan Plaintif dan saya juga tahu berkenaan dengan persahabatan di antara suami saya dengan defendan dan ingin mengesahkan bahawa saya tiada apa-apa sebab untuk mengesyaki persahabatan mereka selain daripada sebagai kawan karib. Saya juga mengenali defendan dan keluarga defendan.

Jadi tohmahan plaintif terhadap defendan telah menarik Ray James Scully dan isterinya dalam pertikaian di antara plaintif dan defendan. Ray James Scully dan isterinya telah tampil ke hadapan dan memberikan keterangan afidavit untuk menjelaskan satu dakwaan oleh plaintif yang jika benar, bukan sahaja boleh menggugat rumahtangga plaintif dan defendan tetapi juga rumahtangga Ray James Scully dan isterinya. Nampaknya hubungan di antara plaintif dengan defendan bukan sesuatu perkara rahsia. Isteri Ray James Scully mengenali defendan dan keluarganya, dan mengetahui hubungan plaintif dengan defendan sebagai kawan karib.

Dalam kandongan 17 plaintif mempertikaikan keterangan Ray James Scully dan isterinya. Di perenggan 4 kandongan 17 plaintif dengan sinis menyatakan:

> Saya akan menjawab afidavit yang diikrarkan kononnya oleh Sharon Anne Sta Maria. Saya mempertikaikan samada beliau telah melihat atau meneliti Eksibit 'D' dan 'E' di dalam afidavit saya yang telah diikrarkan pada 17.7.2000. Adakah beliau mengetahui bahawa suami beliau Ray James Scully telah menghabiskan sebegitu banyak masa menelefon defendan dari telefon rumahnya?. Beliau telah menelefon telefon pejabat, telefon bimbit dan telefon rumah defendan. Suatu penelitian bil berkenaan akan menunjukkan bahawa beliau telah menelefon defendan dari telefon rumahnya walaupun sepatutnya beliau berada di pejabat. Cadangan bahawa hubungan tersebut merupakan hubungan platonik adalah suatu penghinaan (insult) kepada mahkamah yang mulia ini. Saya mempunyai "reservations" tentang identiti orang yang bernama Sharon Anne Sta Maria yang kononnya telah mengikrarkan afidavit tersebut pada 17.8.2000.

Diperenggan 5 kandongan 17 pula, plaintif menyatakan:

> Merujuk kepada afidavit Ray James Scully, adalah jelas bahawa beliau tidak akan mengaku hubungannya dengan defendan. Beliau akan menafikan seberapa lama yang beliau boleh. Selanjutnya, sokongan beliau untuk tujuan defendan (defendant's cause) adalah suatu perkara biasa/lazim memandangkan hubungan tersebut.

Seperti yang dapat dilihat dari perenggan 4 kandongan 17, plaintif menyatakan dia mempunyai "reservations" tentang identiti orang yang bernama Sharon Anne Sta Maria yang telah mengikrarkan kandongan 9. Berat implikasinya pernyataan plaintif itu. Ia membawa implikasi bahawa afidavit Sharon Anne Sta Maria adalah afidavit palsu. Selain daripada pernyataan kosong tersebut, plaintif telah tidak mengemukakan apa-apa bukti untuk menyokong tohmahannya itu. Tanpa apa-apa bukti sebaliknya, saya tidak dapat menerima saranan bahawa kandongan 9 telah direka untuk menunjukkan kononnya ia telah diikrarkan oleh Sharon Anne Sta Maria yang memberikan keterangan sebagai isteri Ray James Scully. Berdasarkan kepada keterangan yang telah dikemukakan di mahkamah ini, saya tidak ragu-ragu untuk memutuskan bahawa Sharon Anne Sta Maria (K/P. No: 680715-04-5408) adalah isteri Ray James Scully.

Perhubungan di antara Ray James Scully terutamanya panggilan telefon yang agak kerap di antara defendan dan Ray James Scully mungkin boleh menimbulkan syak wasangka. Tetapi setelah menimbangkan afidavit Ray James Scully dan isterinya yang telah memberikan keterangan yang terus terang dan jelas, saya tidak dapat menerima dakwaan plaintif bahawa hubungan di antara defendan dan Ray James Scully adalah lebih dari hubungan di antara sahabat baik.

Terdapat percubaan di antara plaintif dan defendan untuk merundingkan soal akses kepada anak mereka yang tinggal dengan defendan di Melaka. Seperti yang telah dinyatakan, sehubungan ini plaintif telah merujuk kepada surat peguam defendan bertarikh 26 Ogos 2000 kepada peguam plaintif (eks. A kandongan 17) dan menyatakan bahawa defendan telah mengenakan syarat yang tidak munasabah dan bertujuan untuk memisahkan plaintif dari anak mereka. Mengulangi apa yang telah dinyatakan oleh defendan dalam afidavitnya (kandongan 19) tentang bila surat bertarikh 24 Ogos 2000 daripada plaintif diterima, peguam defendan menghujahkan bahawa surat tersebut (eks. SKI, kandongan 19) diterima melalui faks pada kira-kira jam 4.42 petang pada 24 Ogos 2000 dan plaintif mahukan jawapan pada jam 4 petang 25 Ogos 2000. Menurut peguam defendan, ini bukan satu-satu tindakan yang munasabah kerana notis yang diberi kepada peguam defendan adalah terlalu singkat. Tetapi menurut peguam defendan surat tersebut telah dijawab juga dengan surat bertarikh 26 Ogos 2000 (eks. A kandongan 17). Saya dapati dalam surat tersebut ada cadangan dibuat oleh defendan supaya plaintif berjumpa dengan anak mereka di antara jam 10 pagi hingga 1 tengahari setiap alternate Saturday bermula dari 2 September 2000. Plaintif telah tidak menggunakan kesempatan ini dan langsung tidak membalas surat tersebut. Jika plaintif benar-benar rindukan anaknya, kesempatan tersebut sepatutnya telah diambil olehnya. Jika masa pertemuan yang dicadangkan oleh defendan itu tidak memadai, plaintif sepatutnya menjawab surat tersebut dan memberikan cadangan balas. Saya tidak bersedia untuk membuat inferensi bahawa syarat-syarat dalam surat tersebut menunjukkan bahawa defendan cuba memisahkan plaintif dari anaknya.

Defendan pula dalam afidavitnya, mendakwa bahawa sejak perkahwinannya dengan plaintif, terdapat banyak masalah yang timbul di antara mereka. Menurut defendan, sejak hanya kira-kira lima bulan selepas mereka berkahwin, iaitu semasa defendan sedang hamil empat bulan, selepas suatu ketidaksefahaman yang kecil, plaintif telah tidak datang untuk menemui defendan di Melaka walaupun defendan tahu tentang tarikh kelahiran yang dijangkakan bagi anak mereka. Defendan menyatakan bahawa plaintif hanya telah datang ke Melaka melihat defendan dan anak mereka, buat pertama kalinya pada 4 September 1999, iaitu hampir satu setengah tahun kemudian, pada masa anak mereka berumur 11 bulan. Menurut defendan, itu pun selepas diminta beberapa kali oleh ibu defendan. Menurut defendan juga dalam masa satu setengah tahun tersebut, plaintif tidak pernah cuba untuk mengetahui mengenai keadaan defendan atau anak mereka dan tidak pernah menunjukkan minat untuk cuba melihatnya.

Seterusnya, menurut defendan, selepas beberapa bulan plaintif datang ke Melaka seperti yang tersebut di atas, defendan telah sekali lagi memohon untuk mendapatkan pertukaran tempat kerja dari Melaka ke Kuala Lumpur untuk dapat bersama dengan plaintif. Ini adalah memandangkan bahawa keadaan di antara plaintif dan defendan telah menjadi kurang tegang dan kerana defendan berhasrat untuk berdamai serta menjaga perkahwinan mereka. Berikutan itu defendan telah berjaya mendapat pertukaran dan pada 3 April 2000, defendan telah mula bekerja di HSBC, Cawangan Medan Pasar, Kuala Lumpur. Malangnya, menurut defendan, selama kira-kira dua minggu yang pertama defendan berada dengan plaintif, plaintif telah pulang sangat lewat setiap malam dan biasanya dalam keadaan mabuk. Defendan menambah, kebiasaannya, apabila plaintif pulang ke rumah dalam keadaan mabuk, plaintif akan memaksakan dirinya ke atas defendan. Menurut defendan, dalam dua kejadian yang berlainan, plaintif telah sampai ke rumah dalam keadaan mabuk, telah membuat bising yang amat sangat, mengejutkan ibunya dan defendan dari tidur dan telah mengata defendan dengan panggilan-panggilan yang menghina serta menggunakan kata-kata yang kesat.

Menurut defendan kerana sangat rindukan anaknya, pada 18 April 2000, defendan telah pulang ke Melaka selepas waktu pejabat dengan terlebih dahulu mengambil cuti untuk tarikh 19 April 2000 supaya dapat bersama-sama dengan anak mereka. Pada 19 April 2000 kira-kira jam 11 malam, defendan telah menerima panggilan telefon daripada plaintif mengatakan ibunya berada dalam keadaan koma dan dia sedang membuat persediaan untuk pengkebumian ibunya. Plaintif telah menuduh defendan membawa nasib malang kepada keluarganya dan menyuruh defendan untuk mengambil barang-barang kepunyaannya serta keluar dari rumahnya. Menurut defendan, oleh kerana plaintif telah banyak kali pernah berbohong dan selalu suka membesar-besarkan sesuatu perkara, defendan telah terus menelefon adik plaintif di Kuala Lumpur untuk menanyakan keadaan ibunya dan mendapat tahu bahawa tiada apa yang serius berlaku kepada ibu plaintif. Ibu plaintif hanya pengsan seketika.

Menurut defendan lagi, memandangkan bahawa plaintif sendiri telah menghalau defendan keluar dari rumahnya, pada 20 April 2000, defendan telah mengambil barang-barang kepunyaannya dan meninggalkan rumah plaintif. Defendan telah kembali semula ke rumah plaintif pada 10 Mei 2000, setelah plaintif berjanji dengan defendan untuk mengubah perangainya dengan mengurangkan minum minuman keras, tidak selalu balik lewat, tidak cepat marah dan tidak menggunakan kata-kata yang kesat terhadap defendan.

Defendan juga menyatakan bahawa setelah didesak beberapa kali oleh defendan, plaintif telah bersetuju untuk menggaji seorang pembantu rumah. Pada 10 Mei 2000, buat pertama kalinya anak plaintif dan defendan dibawa tinggal bersama-sama mereka di rumah plaintif di Kuala Lumpur.

Pada 18 Jun 2000 dua orang adik perempuan plaintif (seorang dari Kuala Lumpur dan seorang dari Singapuna) telah singgah di rumah plaintif untuk beberapa hari untuk melawat ibu mereka. Pada malam itu kira-kira jam 11 malam, plaintif telah berbual dengan kedua-dua adiknya itu dan mencaci defendan dan anaknya. Kejadian ini melukakan semula hati defendan dan niat untuk meninggal rumah plaintif timbul semula. Di samping itu menurut defendan, plaintif langsung tidak mengubah perangainya dan masih lagi pulang ke rumah lewat dalam keadaan mabok.

Pada 19 Jun 2000 dari tempat kerjanya, defendan mendapat tahu bahawa pembantu rumah mereka yang menjaga anak mereka telah dipecat oleh plaintif. Defendan juga mendapati bahawa talian telefon bimbitnya telah diputuskan oleh plaintif. Kesemua tindakan tersebut telah dilakukan oleh plaintif tanpa berbincang atau memaklumkannya terlebih dahulu kepada defendan. Kejadian-kejadian tersebut mendesak defendan untuk membuat keputusan untuk meninggalkan rumah plaintif dengan membawa bersama-samanya anak mereka pada 19 Jun 2000.

Saya mendapati bahawa secara keseluruhannya, dakwaan defendan seperti yang dihuraikan di atas telah tidak dinafikan atau disangkal dengan secukupnya oleh plaintif. Setelah menghayati dan menimbangkan keseluruhan keterangan dalam kes ini, saya berpuashati bahawa Haisheeny telah berada dalam jagaan defendan sejak dia dilahirkan pada 16 Oktober 1998. Pada masa itu defendan masih bekerja di HSBC, Cawangan Melaka. Plaintif telah datang ke Melaka untuk melihat Haisheeny buat pertama kalinya hanya pada masa Haisheeny berumur 11 bulan. Sebelum itu sejak selepas defendan hamil empat bulan, plaintif telah tidak datang menemui defendan di Melaka. Keterangan ini disokong oleh surat Dr. S. Selva, Consultant Obstetrician and Gynaecologist, Mahkota Medical Centre, Melaka bertarikh 25 Julai 2000 (eks. SK1, kandongan 5). Dalam surat tersebut Dr. S. Selva menyatakan:

> This lady was under my follow-up throughout her first pregnancy. Her mother accompanied her on all occasions. She was in the labour room during her labour. **I have never seen her husband during the entire pregnancy and after that**. (tekanan ditambah).

Ketidakhadiran plaintif dalam "labour room" semasa defendan melahirkan Haisheeny mungkin boleh difahami. Tetapi tanpa penjelasan dari plaintif, ketidakhadirannya walau sekali dua pun ketika defendan berjumpa doktor bersalin semasa dan selepas defendan hamil adalah sukar diterima dan pastinya merupakan sesuatu yang sangat mengecewakan bagi defendan yang pada masa yang material merindukan belaian, kasih sayang dan sokongan kuat dari plaintif.

Haisheeny terus tinggal dengan defendan dan ibunya di Melaka sehingga Haisheeny berumur satu tahun lima bulan. Pada 3 April 2000, defendan berjaya bertukar ke HSBC Cawangan Medan Pasar, Kuala Lumpur dan mulai tinggal bersama-sama plaintif di Kuala Lumpur. Sementara itu Haishneey terus tinggal dengan ibu defendan di Melaka. Defendan telah berulang alik ke Melaka pada setiap hari minggu untuk menghabiskan masa dengan Haisheeny. Lebih kurang sebulan kemudian, pada 10 Mei 2000, Haisheeny telah dibawa tinggal bersama-sama plaintif dan defendan di rumah plaintif di Kuala Lumpur. Pada 19 Jun 2000, apabila defendan meninggalkan rumah plaintif dan pulang ke rumah ibunya di Melaka, defendan telah membawa Haisheeny bersama-sama. Sekali lagi Haisheeny tinggal bersama-sama ibu defendan di Melaka. Defendan masih bekerja di HSBC, Cawangan Medan Pasar dan tinggal di Kuala Lumpur. Oleh itu sehingga defendan dapat bertukar semula ke Melaka, Haisheeny akan tinggal dan dijaga oleh ibu defendan di Melaka dan akan dapat bersama-sama dengan defendan pada hari minggu dan hari-hari lain defendan tidak bekerja.

Plaintif mendakwa dalam afidavitnya bahawa tidak terdapat sebarang alasan mengapa Haisheeny mesti tinggal dengan ibu defendan. Plaintif juga mendakwa bahawa ibu defendan sering sakit dan tidak mampu menjaga Haisheeny. Dakwaan ini telah disangkal oleh defendan dalam afidavitnya. Menurut defendan, ibunya sekarang berada dalam keadaan fizikal yang baik. Menurut defendan ibunya sihat, masih muda, seorang yang aktif dan sesuai untuk menjaga anaknya. Surat Dr. Kulwant Singh Gill bertarikh 15 Ogos 2000 dari Klinik Sohvindir, Batu Berendam, Melaka (eks. SK10, kandongan 11) telah dikemukakan untuk menyokong pernyataan defendan. Menurut Dr. Kulwant Singh:

> The abovenamed person was examined by me today 15.8.2000 for the purpose of a fitness certification.
>
> On examination I find that she is mentally alert and physically fit and is in a proper physique befitting a person of her age. She does not suffer from any disease or sequelae of any disease.

Defendan juga mengemukakan surat bertarikh 16 Ogos 2000 dari Malaysian Indian Congress (MIC) (eks. SK11 – kandongan 11), yang mengesahkan bahawa ibu defendan Puan Amar Kaur a/p Piara Singh telah dianugerahkan oleh MIC, anugerah "Mother of the Year Award" pada 25 Mei 97. Keterangan mengenai kesihatan ibu defendan dan anugerah yang tersebut tidak dapat dipertikaikan oleh plaintif dalam keterangannya. Saya yakin bahawa ibu defendan adalah cukup sehat dan mempunyai kebolehan dan keupayaan untuk membantu menjaga Haisheeny semasa defendan tidak ada bersama-sama Haisheeny. Tetapi ini sahaja adalah tidak memadai untuk memberatkan imbangan keadilan memihak kepada defendan.

Saya telah menimbangkan persoalan samada ianya baik untuk kebajikan Haisheeny untuk memberikan jagaan kepada plaintif?. Apakah plaintif telah membuktikan bahawa dia boleh memberikan kebahagiaan kepada Haisheeny jika jagaan diberikan kepadanya? Apakah plaintif telah menyakinkan mahkamah ini bahawa dia boleh menjaga dan membesarkan Haisheeny lebih baik dari defendan atau patutkah *status quo* yang wujud sekarang dikekalkan?. Dalam afidavitnya plaintif menyatakan bahawa dia mempunyai Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari United Kingdom dan sekiranya Haisheeny tinggal bersama-samanya, Haisheeny akan dikelilingi oleh buku-buku yang akan mendatangkan manfaat baginya. Plaintif juga menyatakan bahawa dia agak kaya dan sanggup memberikan Haisheeny segala kesenangan hidup termasuk keperluan jasmani dan spiritual. Tidaklah dapat dinafikan bahawa wang ringgit dan kekayaan adalah penting dan memang diperlukan untuk kebahagiaan Haisheeny. Tetapi wang ringgit dan kekayaan bukanlah segala-galanya. Hal ini adalah jelas dari penghakiman dalam kes *Re Ko (An infant)* [1990] 1 MLJ 494, di mana di ms 497, Yang Arif Edgar Joseph Jr H (pada masa itu) menyatakan:

> The question, what is meant by the expression 'welfare of the child' is answered for me by Lindley LJ in the of-quoted case of *Re McGrath*, at p. 148, thus:
>
> > But the welfare of the child is not to be measured by money only, nor by physical comfort only. The word welfare must be taken in its widest sense. The moral and religious welfare of the child must be considered as well as its physical well being. Nor can ties of affection be disregarded.

Betapa pentingnya kasih sayang seorang ibu kepada anaknya, yang terbit dari sifat dalam hubungan biasa manusia, tidak dapat dinafikan. Kasih sayang seorang ibu kepada anaknya tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Ini membawa penghakiman ini kepada kes *K Shanta Kumari v. Vijayan* [1986] 2 MLJ 216, di mana dimuka 218, Yang Arif Wan Yahya H (pada masa itu) telah menyatakan:

Even going on the assumption that both parent are equally capable of providing the care, comfort and attention to the infant, the courts have always leaned in favour of the mother being given custody of young infants. The reason is very obvious. An infant of tender age is by nature more physically and spiritually dependant on its own mother than anyone else. In *Kades v. Kades* the High Court in a joint judgment stated:

> What is left is the strong presumption which is not one of law but is founded on experience upon the nature of ordinary human relationships, that a young girl should have the love, care and attention of the child's mother and that her upbringing should be the responsibility of her mother, if it is not possible to have the responsibility of both parents living together.

In Re Orr Muloch CJ commented:

> In the case of a father and mother living apart and each claiming the custody of a child, the general rule is that the mother, other things being equal, is entitled to the custody and care of a child during what is called the period of nurture, namely, until it attains about seven years of age, the time during which it needs the care of the mother more than that of the father ...

Similarly in *Myriam v. Mohd Ariff* Abdul Hamid J (as he then was) when considering the custody of a 3-year old infant said:

> To my mind, it would not be in the interests and welfare of this infant that he should be denied of the natural mother's love, care and effection. It is proper that he should be in the custody of the applicant until at least he reaches the age of 7 or 8 years at which time either party may be at liberty to apply.

Plaintif mengatakan bahawa dia sayangkan Haisheeny dan mahukan mahkamah ini memberikan jagaan kepadanya. Defendan juga sayangkan Haisheeny dan mahukan jagaan dikekalkan kepadanya. Yang terbaik bagi kebajikan Haisheeny ialah tinggal dan dijaga bersama oleh plaintif dan defendan dengan aman dan bahagia di satu tempat kediaman. Tetapi ini tidak mungkin dapat dilakukan sekarang melainkan sesuatu keajaiban berlaku. Jagaan akan diberi kepada plaintif atau defendan. Seperti yang telah saya huraikan sebelum ini, sejak lahir Haisheeny sentiasa tinggal dengan dan berada dalam jagaan defendan di rumah ibu defendan, kecuali bagi tempoh sebulan lebih dimana Haisheeny tinggal dengan plaintif dan defendan di rumah plaintif di Kuala Lumpur. Walaupun sejak 19 Jun 2000 sehingga sekarang Haisheeny tinggal dengan dan dijaga oleh ibu defendan, Haisheeny masih tetap dapat bersama-sama dengan defendan pada hari minggu. Dari keterangan dalam afidavit defendan, saya mendapati bahawa

defendan telah membelanjakan wang untuk rawatan dan kelahiran Haisheeny di Mahkota Medical Centre di Melaka. Selain dari itu defendan juga telah mengambil beberapa tindakan demi kepentingan dan kebajikan Haisheeny. Defendan telah membeli insuran pembelajaran dan kesihatan bagi Haisheeny dan membeli buku-buku pendidikan kanak-kanak. Defendan juga telah melabur dalam "share option scheme" di HSBC pada tahun 1999 dan tahun 2000. Untuk kemudahan pengangkutan bagi dirinya dan untuk membawa anaknya, defendan telah membeli sebuah kereta Perodua Kancil. Pada 10 November 2000 atas arahan mahkamah, Haisheeny telah dibawa ke mahkamah. Dalam kehadiran peguam plaintif dan peguam defendan, Haisheeny telah dibawa oleh ibu defendan ke dalam kamar saya. Dari pemerhatian saya, saya dapati Haisheeny sihat, normal dan cergas. Haisheeny berumur hampir dua tahun. Seperti yang telah saya huraikan, di peringkat umur ini Haisheeny lebih memerlukan kasih sayang dan perhatian ibunya. Buat masa ini defendan yang tinggal di Kuala Lumpur, akan hanya dapat bersama-sama dengan defendan pada hujung minggu dan hari-hari yang lain dia tidak bekerja. Defendan telah pun memohon ditukarkan semula ke HSBC Cawangan Melaka. Menurut surat HSBC 25 Julai 2000 (eks. SK4, kandongan 5) permohonan tersebut adalah dalam tindakan pihak majikan defendan. Sementara itu, dalam ketiadaan defendan, Haisheeny akan tinggal dengan ibu defendan. Saya tidak fikir ini akan menimbulkan masalah kepada Haisheeny kerana sejak dilahirkan sehingga 10 Mei 2000, Haisheeny memang tinggal di rumah ibu defendan dan dijaga oleh ibu defendan dan keluarganya semasa defendan pergi bekerja.

Dari segi kesihatan, kebolehan dan keupayaan, saya berpuashati bahawa ibu defendan boleh menjaga Haisheeny semasa ketiadaan defendan. Berdasarkan kepada kesemua pertimbangan ini saya memutuskan bahawa adalah untuk kebajikan dan kepentingan Haisheeny, *status quo* yang wujud sekarang dikekalkan dan jagaan tidak ditukarkan kepada plaintif.

Oleh yang demikian, saya menolak permohonan plaintif di perenggan (iii) dan (iv) kandongan 2.

**Keputusan Keseluruhan**

Permohonan plaintif dalam kandongan 2 ditolak dengan kos.

a

b

**This page is intentionally left blank**

c

d

e

f

g

h

i